

**TEKS UCAPAN
YB TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA
PROGRAM BERKONGSI BARAKAH RAMADHAN #LPTDIHATI**

**24 MEI 2019
KAWASAN R&R TEMERLOH, HALA TIMUR**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berbahagia, Dato' Sr. Aziz Abdullah
Ketua Pengarah, Lembaga Lebuh raya Malaysia

Yang Berbahagia, Dato' Nik Fauzi Tan Sri Nik Hussein
Pengarah Eksekutif ANIH Berhad

Pihak pengurusan dan anak-anak dari Rumah Ngaji Barokah;
Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim dan Miskin Nur Iman (Cawangan Mentakab); dan
Pertubuhan Anak-Anak Yatim dan Kebajikan Darul Izzah

Pihak pengurusan KKR, LLM dan ANIH Berhad,
Rakan-rakan media,
Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

MUKADIMAH

1. Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kehadiran YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-Puan ke **Program Berkongsi Barakah Ramadhan #LPTdihati**.
2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada **ANIH Berhad** kerana telah mengatur majlis ini. Sesungguhnya majlis seumpama ini memberi peluang untuk kita semua menjalinkan hubungan malah merapatkan silaturahim kita dengan kepada anak-anak dari **Rumah Ngaji Barokah; Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim dan Miskin Nur Iman; dan Pertubuhan Anak-Anak Yatim dan Kebajikan Darul Izzah** yang berkebetulan hadir dari Kawasan Parlimen Temerloh.
3. Saya difahamkan seramai 65 orang pelajar terbabit di dalam majlis ini dan setiap seorang akan menerima sumbangan sepasang baju raya dan duit raya daripada ANIH Berhad. Saya amat mengalu-alukan usaha syarikat korporat berkongsi sedikit kemakmuran serta turut membantu golongan yang memerlukan. Ini adalah petanda bahawa ANIH Berhad adalah korporat yang bertanggungjawab dan prihatin.

PEMBERIAN PEK JUADAH PERCUMA KEPADA PENGGUNA LEBUH RAYA

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

4. Alhamdulillah, dalam melengkapkan slogan **#LPTdihati, ANIH Berhad**, pada petang ini, di Kawasan Rehat & Rawat (R&R) Temerloh hala timur juga telah mengedarkan 1,000 pek juadah iftar kepada pengguna Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1). Saya difahamkan, ini adalah edisi Ke-2 daripada 3 edisi edaran seumpamanya yang dilaksanakan pada bulan Ramadhan tahun ini yang membabitkan jumlah edaran juadah Iftar secara percuma berjumlah 2,500 pek.
5. Saya dimaklumkan pelaksanaan pengedaran juadah Iftar ini telah **memasuki tahun ke-3** dan ia merupakan inisiatif ANIH Berhad untuk berkongsi keberkatan Ramadan selain merapatkan ukhuwah serta tanda penghargaan kepada pengguna Lebuhraya KLK dan LPT1.
6. Pengedaran pek juadah berbuka tersebut yang mengandungi set lauk, nasi, air mineral dan kurma dan diedarkan menerusi kaunter pandu lalu khas ini adalah merupakan salah satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat konsesi lebuh raya di bulan Ramadhan untuk golongan yang memerlukan dan sebagai tanda keprihatinan terhadap pengguna lebuh raya yang tidak sempat sampai ke destinasi untuk berbuka puasa.
7. Syabas dan tahniah kepada MTD Group dan ANIH Berhad serta kakitangannya kerana sanggup berpanas demi menjayakan majlis sedekah jariah ini setiap kali hadirnya Bulan Ramadan. Saya harap usaha murni ini akan dapat diteruskan serta dimantapkan lagi pada masa-masa akan datang.

TANGGUNGJAWAB DAN LANGKAH PROAKTIF KONSESI

Hadirin yang dihormati sekalian

8. Perayaan Hari Raya Aidilfitri dijangka akan disambut sama ada pada 5 atau 6 Jun 2019. Sudah tentunya, sambutan Aidilfitri akan melibatkan tradisi balik kampung dan kunjung mengunjung antara rakyat Malaysia yang telah menjadi tradisi sejak sekian lama. Sempena cuti panjang yang bakal tiba nanti, sudah tentu rakyat Malaysia akan mengambil kesempatan ini untuk pulang ke kampung halaman atau bercuti bersama keluarga di destinasi-destinasi pelancongan tempatan yang utama.
9. Saya dimaklumkan oleh ANIH Berhad bahawa jumlah trafik di Lebuhraya KLK dan LPT di musim perayaan ini dijangka meningkat antara 60%-70% daripada jumlah trafik biasa dan oleh itu, pertambahan bilangan kenderaan ini perlu ditangani dengan berkesan bagi menjamin keselesaan dan keselamatan pengguna lebuhraya.
10. Dalam hal ini, sukacita saya ingin kongsi bahawa **ANIH Berhad** telah mengambil langkah proaktif dengan membuat persediaan awal dalam memantapkan lagi operasi dan tahap perkhidmatan sempena kedatangan Aidilfitri ini.
11. Antaranya, ANIH Berhad bersama konsesi-konsesi lain akan **memberikan diskaun tol pada perayaan ini. Jumlah peratusan**

diskaunnya akan diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Tuan Baru Bian pada Majlis Perasmian Kempen Keselamatan Lebuh Raya pada Selasa, 28 Mei nanti.

12. Selain itu, syarikat turut **menyediakan Cadangan Waktu Perjalanan atau TTA (*Travel Time Advisory*) bagi membantu pengguna merujuk kepada waktu perjalanan yang sesuai selain dapat mengawal jumlah pergerakan trafik; selain mengaktifkan laluan ‘contra flow’ di beberapa lokasi lebuh raya dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia (PDRM);**
13. Justeru, saya harap agar **semua pengguna merancang perjalanan mereka dan mematuhi TTA yang dikeluarkan oleh syarikat.** Para pengguna seharusnya merancang perjalanan mereka untuk mengelak daripada terperangkap dalam kesesakan di sepanjang perjalanan dan pada masa yang sama dapat pulang dengan selamatnya ke kampung halaman.

MEDIA SOSIAL ANIH BERHAD – RUJUKAN EFEKTIF BUAT PENGGUNA

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

14. Media sosial kini memainkan peranan penting sebagai saluran komunikasi selain meningkatkan pengetahuan dan mewujudkan kesedaran kepada orang ramai khususnya pengguna-pengguna lebuh raya terhadap perkara atau insiden di lebuh raya.

15. Sehubungan itu, saya amat mengalu-alukan usaha semua konsesi lebuhraya, khususnya **ANIH Berhad - menerusi laman Twitter rasminya iaitu @LPTTrafik atau Facebook di Lebuhraya Pantai Timur** - dalam menyebarkan pelbagai informasi daripada Bahagian Operasi Lebuhraya mengenai keadaan terkini di lebuhraya secara langsung atau tidak langsung kepada pengguna.
16. Sudah pastinya, saluran media sosial seperti ini akan terus menjadi platform komunikasi yang efektif menghubungkan Bahagian Operasi Lebuhraya ANIH Berhad dengan pengguna lebuhraya untuk memberikan gambaran dan info terkini secara tepat tentang situasi semasa keadaan trafik di Lebuhraya KLK dan LPT 1. Syabas Team Media Sosial ANIH Berhad! Peranan anda amat dihargai.
17. Justeru, saya menyeru ANIH Berhad dan Team Media Sosialnya untuk terus berperanan dalam mengukuhkan lagi komunikasi dua hala dengan pengguna, seterusnya dapat menyebarluaskan lagi info atau maklumat trafik. Ini adalah contoh terbaik bagaimana saluran komunikasi dapat digabungkan bagi melancarkan interaksi dan penyebaran maklumat untuk meningkatkan servis kepada pengguna lebuhraya.

HARAPAN

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

18. Kerajaan menerusi syarikat konsesi lebuhraya sememangnya melaksanakan pelbagai inisiatif terbaik dalam mengurangkan

bilangan kemalangan di negara kita. Namun, segala inisiatif Kerajaan bersama syarikat konsesi ini akan menjadi sia-sia sekiranya ia tidak disokong oleh perubahan sikap pengguna itu sendiri.

19. Di sini, saya suka mengingatkan kepada para pengguna yang lain untuk sentiasa **memberi penekanan kepada aspek kualiti pemanduan, keadaan mekanikal dan fizikal kenderaan serta amalan tips-tips keselamatan jalan**. Sikap pengguna lebuhraya yang prihatin akan dapat mengurangkan kadar kemalangan dan kita semua dapat menyambut Hari Raya Aidilfitri dalam keriang dan bukannya tangisan.
20. Akhir kata, saya menyeru semua pengguna lebuhraya, pandulah dengan berhemah dan patuhilah peraturan lebuhraya yang telah ditetapkan bagi mengurangkan statistik kemalangan tahun ini. Marilah kita sama-sama berazam dan berusaha bagi mengurangkan kejadian kemalangan akibat dari sikap dan kelalaian kita sendiri.
21. Sebelum saya akhiri ucapan saya pada petang ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada ANIH Berhad yang sudi menjemput saya pada petang ini.
22. Bagi mereka yang kurang bernasib baik sama ada yang sama-sama hadir di sini hari ini ataupun di mana saja mereka berada, saya pasti masyarakat Malaysia yang prihatin tidak akan melupakan mereka dalam menyambut hari perayaan yang akan tiba nanti. Kepada

mereka yang memberi sumbangan, semoga Allah SWT memberkati usaha tuan-tuan dan puan-puan semua. Insya-Allah.

Sekian, WABILLAHI TAUFIQ WAL HIDAYAH

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ